

Versi Bahasa Malaysia

1. Pengenalan

Notis Perlindungan Data Peribadi ini (“selepas ini dirujuk sebagai TA PDPN”) adalah untuk Kumpulan TA termasuk TA Enterprise Berhad (TAE) dan anak-anak syarikat TAE (selepas ini dirujuk sebagai “TA”, “kami”). Kami menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta PDP”) dan mana-mana undang-undang pengubahsuaian daripadanya.

Subjek Data yang ditakrifkan di Akta PDP adalah individu yang menjadi subjek data peribadi dan tidak termasuk individu yang telah meninggal dunia. TA PDPN ini terpakai kepada data peribadi individu sahaja dan tidak merangkumi data syarikat atau perbadanan.

Dalam menyediakan perkhidmatan kami, produk kami atau untuk tujuan yang dinyatakan dalam transaksi komersial kami, kami mengumpul data peribadi individu seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 3 di bawah.

Kami berhak untuk meminda dan mengemaskini TA PDPN ini pada bila-bila masa dan akan menyediakan TA PDPP semasa di laman web kami. Sila semak laman web kami dari masa ke semasa jika ada sebarang kemas kini pada TA PDPN. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia notis ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

2. Objektif

TA PDPN adalah untuk mematuhi Akta PDP dan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Berkomunikasi TA PDPN kepada pelanggan kami dan individu yang berkaitan.
- b) Jenis Data Peribadi yang kami kumpul, cara kami kumpul dan guna.
- c) Hak Subjek Data.
- d) Keselamatan Data.
- e) Ketersediaan hubungan perniagaan kami dari Pegawai Perlindungan Data (DPO) kepada pelanggan kami dan orang ramai.
- f) Menerima dan menjawab aduan.

3. Data Peribadi

Data peribadi ialah sebarang maklumat subjek data atau pihak ketiga yang berkaitan dengan subjek data yang dikumpul berkenaan dengan transaksi komersial. Data peribadi anda dikumpul dari pelbagai sumber maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang telah anda berikan kepada kami, maklumat daripada pihak-pihak ketiga/wakil yang diberi kuasa, interaksi dengan meja bantuan/Pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami/Pegawai Jualan/Sembang tempahan dalam talian/Platform media sosial/E-mel/ Borang Hubungi kami di laman web kami, melalui penggunaan aplikasi peranti mudah alih kami, lawatan ke laman web kami, maklumat daftar di laman web kami, lawatan ke pejabat/cawangan kami, maklum balas kepada tinjauan pasaran kami dan maklumat dalam domain awam.